

Headline	Kjaan perlu dapat pandangan pelbagai pihak selesai isu tanah		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	04 Jul 2012	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	3	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	218 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,123
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,369



## K'jaan perlu dapat pandangan pelbagai pihak selesai isu tanah

KUALA LUMPUR: Kerajaan perlu mendapatkan pandangan pelbagai pihak termasuk masyarakat Orang Asli, pertubuhan bukan kerajaan dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) dalam menyelesaikan isu tanah Orang Asli.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata kerajaan tidak mahu terburu-buru dalam menyelesaikan isu itu bagi memastikan hak masyarakat itu dijamin dan dilindungi dalam jangka masa panjang.

Beliau berkata perkara itu perlu ditangani secara mendalam kerana isu berkaitan tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

"Janganlah kita lakukan dengan cara terburu-buru khususnya dalam penyediaan undang-undang. Nanti bila ada cacat-cela, kita nak rombak balik, akan mengambil masa kerana persidangan Dewan Rakyat bukan setiap bulan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Majlis Penasihat Kebangsaan Pembangunan Masyarakat Orang Asli kesembilan di sini, Selasa.

Turut hadir Timbalannya Datuk Hassan Malek, Ketua Setiausaha Kementerian Datuk Ibrahim Muhammad dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) Datuk Mohd Sani Mistam.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar dan Hal Ehwal Orang Asli Pahang Datuk Wan Rosdy Wan Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pembangunan Luar Bandar, Pembasmian Kemiskinan dan Perladangan Perak Datuk Saarani Mohamad serta Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Johor Asiah Md Arif turut menghadiri mesyuarat itu.

Terdahulu, dalam ucapannya Shafie berkata kementerian sentiasa memberi tumpuan kepada

isu kemiskinan dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Beliau berkata berdasarkan Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015, pengurangan kemiskinan yang disasarkan dalam kalangan masyarakat Orang Asli adalah daripada 31 peratus pada 2009 kepada 25 peratus pada 2015.

"Pengurangan sebanyak enam peratus ini dilihat mampu dilaksanakan menerusi pelbagai inisiatif yang sedang dan telah dilaksanakan," katanya.

Shafie juga berkata tahap kesihatan masyarakat Orang Asli masih lagi rendah termasuk kekurangan zat makanan dan kecacingan

dalam kalangan kanak-kanak.

Mereka juga berdepan dengan penyakit darah tinggi, HIV, penyakit kelamin serta penyakit berjangkit seperti tibi, malaria dan kusta.

"Bagaimanapun, isu kesihatan ini dijangka dapat ditangani dengan lebih berkesan berikutan pengambilalihan pentadbiran hospital dan perkhidmatan Orang Asli oleh Kementerian Kesihatan," katanya.

Shafie juga meminta masyarakat menyingkatkan persepsi negatif yang dilemparkan kepada masyarakat Orang Asli dan membantu memastikan transformasi kepada golongan itu dapat dilakukan dengan jayanya.

Ini sejajar dengan misi dan visi kerajaan dalam memajukan masyarakat Orang Asli supaya setanding dengan masyarakat arus perdana, katanya. -Bernama



Shafie